

LAPORAN AKHIR LATIHAN INDUSTRI  
DI VIRTUAL SOFNET SOLUTIONS SDN. BHD.  
SERI MANJUNG, PERAK

SITI SHAHIDA SABRAN  
SARJANA MUDA PENGURUSAN (Pemasaran)

LAPORAN LATIHAN INDUSTRI DISERAHKAN KEPADA  
JABATAN PENGURUSAN DAN PEMASARAN  
FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI  
UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU (UMT)  
2007

Ch. 6383

Perpustakaan Sultanah Nur Zahirah (UM)  
Universiti Malaysia Terengganu

1100063839

LI 35 FPE 2 2007



1100063839

Laporan akhir latihan industri di Virtual Sofnet Solutions Sdn. Bhd. Seri Manjung, Perak / Siti Shahida Sabran.



PERPUSTAKAAN SULTANAH NUR ZAHIRAH  
UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU (UMT)  
21030 KUALA TERENGGANU

1100063839

Litah sebotah



**LAPORAN AKHIR LATIHAN INDUSTRI  
DI VIRTUAL SOFTNET SOLUTIONS SDN. BHD.  
SERI MANJUNG, PERAK**

**OLEH  
SITI SHAHIDA SABRAN  
SARJANA MUDA PENGURUSAN  
(PEMASARAN)**

**LAPORAN LATIHAN INDUSTRI DISERAHKAN KEPADA  
JABATAN PENGURUSAN DAN PEMASARAN  
FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI  
UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU  
UMT  
2007**

## PENGESAHAN KEASLIAN LAPORAN

Dengan ini, saya Siti Shahida Bt. Sabran, nombor matrik UK11228 mengaku bahawa laporan Latihan Industri bagi kursus PGN 4992 adalah hasil usaha saya sendiri. Segala bentuk penulisan yang terkandung dalam laporan ini adalah merupakan pandangan dan pendapat saya yang berasaskan kepada pengaplikasian teori dan pengalaman yang dipelajari semasa menjalankan latihan industri semata-mata. Fakulti Pengurusan dan Ekonomi (FPE), Universiti Malaysia Terengganu tidak terikat dengan isi kandungan tersebut.

Tandatangan



Nama : Siti Shahida Bt. Sabran

Tarikh : 20 / 11 / 2007

Disahkan oleh :

.....  
Penyelia Universiti Malaysia Terengganu,  
b/p Pengerusi Latihan Industri  
Fakulti Pengurusan dan Ekonomi  
Universiti Malaysia Terengganu

## **PENGHARGAAN**

Dengan nama Allah yang Maha Pemurah lagi Maha Mengasihani, selawat serta salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad S.A.W, kaum keluarga dan para sahabat Baginda. Alhamdulillah, segala pujian ke atas Allah S.W.T kerana dengan izin-Nya dapat saya menyiapkan laporan akhir Latihan Industri ini dengan sempurna sebagai syarat penganugerahan ijazah.

Pertama sekali, jutaan terima kasih yang tidak terhingga ditujukan kepada kedua ibu bapa saya, Encik Sabran dan Puan Pauziah di atas dorongan dan sokongan serta nasihat yang telah diberikan. Semoga pengorbanan yang dihulurkan dinilai sebagai satu ibadah disisi Allah S.W.T.

Di samping itu, setinggi-tinggi penghargaan juga dirakamkan kepada pihak Universiti Malaysia Terengganu di atas peluang yang diberikan kepada pelajar untuk menjalani latihan industri sebagai persiapan sebelum memasuki alam pekerjaan sebenar kelak.

Terima kasih yang tidak terhingga kepada Puan Nik Hazimah Bt. Nik Mat selaku Penyelia Industri Fakulti yang telah banyak membantu dan memberi tunjuk ajar dalam memastikan laporan ini disiapkan dengan sempurna. Tidak dilupakan, ucapan terima kasih juga ditujukan kepada penyelaras program, Cik Zuha

Rosufila Bt. Abu Hasan, di atas usaha beliau menjayakan program ini serta urusetia latihan industri yang turut membantu melancarkan lagi usaha ini.

Penghargaan terima kasih ini juga ditujukan kepada pihak pengurusan syarikat Virtual Softnet Solutions Sdn. Bhd. di atas kesudian syarikat menerima pelajar sepanjang tempoh menjalani Latihan Industri. Tidak dilupakan, Puan Surati Bt. Ahmad selaku Pengurus Besar Jabatan Jualan dan Pemasaran dan Penyelia Latihan Industri, Puan Noreda, Puan Farzlyna serta seluruh kakitangan syarikat Virtual Softnet Solutions Sdn. Bhd. yang telah banyak membantu serta memberi tunjuk ajar sepanjang menjalani Latihan Industri.

Akhir kata, sekalung penghargaan ditujukan khas kepada teman-teman seperjuangan yang telah banyak membantu disamping dorongan dan sokongan yang tidak putus-putus diberikan serta kepada semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung. Segala jasa dan pengorbanan yang disumbangkan tidak dapat dibalas dengan wang ringgit kerana terlalu tinggi nilainya. Diharapkan Latihan Industri ini dapat memberi manfaat kepada semua pihak yang terlibat. Insya-Allah...

Sekian, terima kasih.

## ISI KANDUNGAN

Tajuk	Muka Surat
HALAMAN JUDUL.....	i
SURAT PENGESAHAN.....	ii
PENGHARGAAN.....	iii
ISI KANDUNGAN.....	v
SENARAI GAMBARAJAH.....	ix
SENARAI LAMPIRAN.....	x
RINGKASAN EKSEKUTIF.....	xi
BAB 1: LATAR BELAKANG ORGANISASI DAN KEMAHIRAN YANG DIPELAJARI	
1.0 Pengenalan.....	1
1.1 Maklumat Syarikat.....	3
1.1.1 Objektif Syarikat.....	6
1.1.2 Kunci Kejayaan.....	6

1.1.3 Visi.....	7
1.1.4 Misi.....	7
1.1.5 Halatuju Syarikat.....	8
1.2 Carta Organisasi.....	9
1.2.1 Pengurusan Syarikat .....	10
1.2.2 Jabatan Pentadbiran.....	10
1.2.3 Jabatan-Jabatan.....	11
1.3 Aktiviti Syarikat.....	13
1.3.1 Produk Dan Perkhidmatan Yang Ditawarkan.....	15
1.4 Kemahiran Yang Dipelajari.....	19
1.4.1 Kemahiran Berkomunikasi.....	19
1.4.2 Kemahiran Berinteraksi Dengan Pelanggan.....	19
1.4.3 Kemahiran Penggunaan Komputer.....	19
1.4.4 Kemahiran Pengurusan Kedai.....	20
1.4.5 Kemahiran Pengurusan Masa.....	20

## **BAB 2: PENGENALPASTIAN MASALAH DAN CADANGAN PENYELESAIAN**

2.0 Pengenalan.....	21
2.1 Sistem Operasi Kedai Komputer.....	23
2.1.1 Penerangan Sistem.....	24
2.1.2 Objektif Sistem.....	26
2.1.3 Mengenalpasti Masalah.....	27
2.1.4 Cadangan Penyelesaian.....	28
2.1.5 Perlaksanaan Cadangan Dan Implikasi.....	30
2.2 Sistem Sebut Harga.....	31
2.2.1 Penerangan Sistem.....	32
2.2.2 Objektif Sistem.....	33
2.2.3 Mengenalpasti Masalah.....	34
2.2.4 Cadangan Penyelesaian.....	35
2.2.5 Perlaksanaan Cadangan Dan Implikasi.....	36

2.3 Sistem Pembaikan Komputer.....	37
2.3.1 Penerangan Sistem.....	38
2.3.2 Objektif Sistem.....	40
2.3.3 Mengenalpasti Masalah.....	41
2.3.4 Cadangan Penyelesaian.....	42
2.3.5 Perlaksanaan Cadangan Dan Implikasi.....	43

### **BAB 3: PENUTUP**

3.1 Kesimpulan.....	44
3.2 Implikasi Cadangan Penyelesaian.....	47
3.3 Cadangan Kepada Latihan Industri.....	48

<b>RUJUKAN.....</b>	<b>50</b>
---------------------	-----------

<b>LAMPIRAN.....</b>	<b>51</b>
----------------------	-----------

## **SENARAI RAJAH**

### **Muka Surat**

Gambarajah 1.1	Kunci Kejayaan Syarikat	6
Gambarajah 1.2	Misi Organisasi	7
Gambarajah 1.3	Carta Organisasi	9
Gambarajah 1.4	Produk-Produk Keluaran Syarikat	18
Gambarajah 2.1	Sistem 1: Sistem Operasi Kedai Komputer	23
Gambarajah 2.2	Sistem 2: Sistem Sebut Harga	31
Gambarajah 2.3	Sistem 3: Sistem Pembaikan Komputer	37

## **SENARAI LAMPIRAN**

**Muka Surat**

Lampiran 1	Gambar Kedai	51
Lampiran 2	Pelan dan Lokasi Syarikat	54
Lampiran 3	Profil Syarikat	55

## RINGKASAN EKSEKUTIF

Latihan Industri yang diwajibkan oleh pihak Fakulti Pengurusan dan Ekonomi terhadap pelajar Ijazah Sarjana Muda Pengurusan (Pemasaran) merupakan salah satu pendekatan yang baik dan merupakan satu permulaan kepada pelajar dalam menghadapi alam pekerjaan yang sebenar selepas pelatih bergraduat. Tempoh latihan selama 12 minggu bermula pada 16 April 2007 sehingga 6 Julai 2007 sedikit sebanyak telah membuka mata dan minda pelatih terhadap situasi pekerjaan yang sebenarnya. Sepanjang tempoh tersebut, pelatih telah ditempatkan di Syarikat Virtual Softnet Solutions Sdn. Bhd. Pelbagai pengalaman yang berharga dapat diperolehi yang mana tidak dapat digantikan dengan wang ringgit. Ini adalah kerana banyak pendedahan yang telah diperolehi dengan diiringi kata-kata nasihat yang amat berguna dalam menjalani latihan tersebut. Secara tidak langsung juga pelatih dapat mempelajari banyak perkara baru yang tidak mungkin diperolehi dalam pembelajaran lisan tanpa adanya peluang mempraktikkannya. Ini kerana kemahiran yang diperolehi semasa Latihan Industri adalah gambaran sebenar dalam alam pekerjaan yang penuh mencabar. Sebagai sebuah syarikat yang memerlukan banyak proses dengan pelanggan, kemahiran berkomunikasi dengan pelanggan adalah kemahiran yang sangat dititikberatkan dalam kejayaan syarikat. Di sini, pelatih menjadikan peluang tersebut sebagai batu lonjatan kepada pelatih untuk memperbaiki kemahiran berkomunikasi dengan orang ramai. Sehubungan dengan itu, segala masalah yang diutarakan dalam laporan ini diharapkan tidak menyinggung mana-mana pihak yang terlibat. Ini kerana bukanlah niat untuk mencungkil permasalahan yang berlaku dalam organisasi tetapi ianya adalah bertujuan untuk melihat sejauh mana pelatih dapat memahami bidang yang berkaitan dengan pembelajaran kini.